A

Pendakwa Raya lwn Kang Chang Heng

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(LB)-513–11 TAHUN 2022
CHE MOHD RUZIMA, AZMAN ABDULLAH AND WONG KIAN KHEONG HHMR
4 MAC 2025

C

Keterangan — Akta Keterangan 1950 — Seksyen 27 — Maklumat yang membawa kepada fakta didapati — Penemuan barang kes hasil maklumat diberikan tertuduh — Sama ada maklumat diberi secara sukarela — Sama ada keterangan relevan untuk mengaitkan tertuduh dengan kejadian — Sama ada boleh diterima masuk oleh mahkamah

D

Prosedur Jenayah — Bicara — Keterangan — Saksi kanak-kanak — Sama ada saksi kanak-kanak kompeten untuk memberi keterangan — Sama ada ujian sepatutnya dibuat di bawah s 118 dan s 133A Akta Keterangan 1950 dan bukan s 133(a) Kanun Tatacara Jenayah — Sama ada hakim bicara melakukan kesilapan apabila menolak sepenuhnya keterangan saksi kanak-kanak

E

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — Seksyen 320 — Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan — Kekompetenan rayuan — Sama ada keputusan Mahkamah Rayuan melupuskan hak tertuduh dengan muktamad — Sama ada satu 'keputusan' mengikut takrif dalam s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 — Sama ada tertuduh boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap perintah Mahkamah Rayuan

F

G

Responden ('OKT') telah dipertuduh dengan empat pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') kerana membunuh empat orang individu. Perayu juga dikenakan pertuduhan dibawah s 324 KK kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan dengan menggunakan pisau terhadap SP1, yang berumur 11 tahun pada ketika kejadian. Mangsa-mangsa yang terbunuh merupakan ahli keluarga SP1. SP1 telah memberi keterangan bahawa SP1 telah melihat OKT sekurang-kurangnya enam kali pada masa kejadian. Walau bagaimanapun, pada akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah melepaskan dan membebaskan OKT daripada kesemua pertuduhan tanpa dipanggil membela diri. Keputusan HMT adalah bersandarkan percanggahan fakta dan pengecaman OKT oleh SP1, walaupun mendapati SP1 berupaya memahami sifat memberi keterangan bersumpah

H

I

setelah mengadakan ujian pemahaman atas SP1. Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah berkaitan dengan: (a) dapatan dan keputusan HMT ke atas penyaksian dan keterangan oleh SP1; (b) penerimaan masuk keterangan menurut s 27 AK; dan (c) kecederaan yang telah dialami oleh OKT.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan memerintahkan OKT membela diri atas keempat pertuduhan membunuh:

(1) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** Berkaitan dengan keterangan oleh kanak-kanak, HMT telah melakukan kesilapan apabila merujuk kepada undang-undang yang salah iaitu perenggan 133(a) KTJ. Ini kerana, tiada perenggan 133(a) dalam KTJ dan undang-undang yang berhubungan dengan keterangan kanak-kanak ada diperuntukkan menurut ss 118 dan 133A Akta Keterangan 1950 ('AK'). Menurut s 133A AK, mahkamah bertanggungjawab untuk menilai kecekapan mana-mana saksi kanak-kanak yang masih mentah dengan mengukur tahap kecerdasannya. Penilaian perlu dibuat untuk menilai sama ada saksi kanak-kanak tersebut boleh memahami sifat sumpah dan tahu kewajipan bercakap benar semasa memberikan keterangan. Dalam kes ini, walaupun SP1 mempunyai kapasiti intelek yang mencukupi untuk mengikrarkan sumpah untuk bercakap benar semasa mengemukakan keterangan, HMT memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP1 kerana berpandangan bahawa ada banyak percanggahan fakta dalam keterangan SP1. Oleh itu, HMT melakukan kesilapan apabila memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP1 (lihat perenggan 21–23, 25–26 & 32).

(2) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** SP1 sekurang-kurangnya telah enam kali melihat OKT pada masa kejadian. Juga, SP1 dia telah mengenali OKT sebelum daripada kejadian lagi dan tiada sebarang keraguan yang dapat dibangkitkan pihak pembelaan berkaitan dengan fakta yang menunjukkan SP1 sememangnya mengenali OKT sebelum kejadian. Oleh itu, pengecaman positif SP1 terhadap OKT seharusnya diterima sebagai keterangan yang mantap dan perlu diterima tanpa was was. Percanggahan-percanggahan berhubung pengecaman terhadap OKT bukanlah percanggahan yang serius sehinggakan keseluruhan keterangan SP1 perlu ditolak. Oleh itu, HMT melakukan kesilapan apabila memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP1 berhubung dengan isu pengecaman yang dibuat terhadap OKT (lihat perenggan 27–30 & 32).

(3) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** Pengemukaan keterangan berkaitan dengan penemuan barang-barang kes hasil maklumat daripada OKT

tidak pernah dibantah oleh pihak pembelaan. Walaupun pisau P54A dan besi P55A ditemui hasil korekan pihak polis dalam timbunan sisa kebakaran di rumah tempat kejadian, namun begitu, fakta yang tidak boleh dipertikaikan telah menunjukkan bahawa penemuan tersebut adalah hasil daripada maklumat yang diberikan oleh OKT. Begitu juga dengan perbuatan OKT menunjukkan rangka motosikal yang dikatakan telah diterbalikkan untuk menumpahkan petrol untuk memulakan kebakaran rumah tempat kejadian. Oleh itu, tiada sebab untuk menolak keterangan tersebut atas alasan bahawa ianya diperoleh secara tidak sah (lihat perenggan 38 & 40).

(4) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** Perbuatan OKT menunjukkan tempat ditemui barang-barang kes adalah relevan dan boleh diterima menurut s 8 AK. Keterangan-keterangan tersebut adalah berkaitan, iaitu sebagai fakta yang relevan bagi mengaitkan OKT dengan kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian sama ada menurut ss 27 atau 8 AK. Dengan kata lain, keterangan-keterangan adalah keterangan bersandarkan keadaan yang dapat menyokong pembuktian kes PP terhadap OKT. Oleh itu, HMT telah terkhilaf semasa memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan pegawai penyiasat ('SP19') berkaitan penemuan barang-barang kes hasil maklumat yang diberikan oleh OKT (lihat perenggan 41–42).

(5) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** Doktor yang bertugas di klinik ('P13') semasa menerima pesakit yang dicamkan sebagai OKT, mengesahkan OKT mengalami kecederaan 'first degree burn' pada bahagian tangan kanan, bawah ketiak dan telinga. Kecederaan-kecederaan itu masih baharu, iaitu, dalam tempoh 12–24 jam. Keterangan SP13 disokong oleh keterangan doktor yang menjalankan pemeriksaan terhadap OKT ('SP14'), di Jabatan Kecemasan Hospital Banting. Berdasarkan keterangan-keterangan SP13 dan SP14, satu inferens kuat boleh dibuat terhadap OKT bahawa OKT sememangnya berada di rumah tempat kejadian semasa kejadian kebakaran berlaku seperti keterangan yang diberikan oleh SP1. Inferens tersebut boleh menyokong kes pendakwaan berasaskan keterangan bersandarkan keadaan. HMT tersilap apabila gagal mengambil kira keterangan bersandarkan keadaan yang kuat menyokong kes pihak pendakwaan tersebut (lihat perenggan 44–45).

(6) **(oleh Che Mohd Ruzima HMR)** HMT melakukan kesilapan yang serius semasa membuat pertimbangan terhadap keterangan-keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan terhadap OKT. Keterangan SP1, berkaitan dengan pengecaman terhadap OKT sepatutnya diterima sebagai saksi yang boleh dipercayai yang melihat sendiri kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian. Keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan-keterangan bersandarkan keadaan yang lain terutamanya keterangan saintifik dan forensik yang tidak dipertikaikan

pihak pembelaan, keterangan penemuan barang-barang kes di bawah ss 27 dan/atau 8 AK 1950, serta keterangan perubatan terhadap kecederaan yang dialami OKT adalah begitu kuat bagi menyokong penglibatan OKT dalam melakukan kesalahan sepertimana pertuduhan. Perintah pelepasan dan pembebasan yang dikeluarkan HMT yang melepaskan dan membebaskan OKT daripada keempat-empat pertuduhan membunuh adalah diketepikan. OKT diperintahkan untuk membela diri ke atas keempat-empat pertuduhan membunuh (lihat perenggan 47–48).

(7) **(oleh Wong Kian Kheong HMR, menyokong)** OKT tidak berpuas hati dengan perintah Mahkamah Rayuan dan memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, perintah Mahkamah Rayuan ini bukan satu 'keputusan' mengikut takrif dalam s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') kerana perintah Mahkamah Rayuan ini tidak melupuskan dengan muktamad hak OKT berkaitan dengan pertuduhan-pertuduhan tersebut. Oleh itu, OKT tidak boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap perintah Mahkamah Rayuan mengikut s 87(1) AMK. Berikutan itu, rayuan OKT ke Mahkamah Persekutuan tidak kompeten. Sekiranya OKT dibenarkan meneruskan rayuan ke Mahkamah Persekutuan, ini akan melengahkan pelupusan bicara OKT di Mahkamah Tinggi. Ini jelas bercanggah dengan niat Parlimen memperkenalkan takrif 'keputusan' dalam s 3 AMK yang bertujuan untuk mempercepatkan pelupusan bicara semua kes (lihat perenggan 50 & 54).

[English summary

The respondent ('accused') was charged with four charges under s 302 of the Penal Code ('the PC') for the murder of four individuals. The appellant was also charged under s 324 of the PC for voluntarily causing hurt with a knife to SP1, who was 11 years old at the time of the incident. The deceased were members of SP1's family. SP1 gave evidence that SP1 had seen the accused at least six times during the incident. However, at the close of the prosecution's case, the High Court judge ('HCJ') acquitted and discharged the accused of all charges without calling for the defence. The HCJ's decision was based on inconsistencies in the facts and the identification of the accused by SP1, despite the court having conducted a voir dire and finding that SP1 possessed the requisite understanding of the nature of giving sworn testimony. Dissatisfied with the decision, the prosecution filed the present appeal. The issues raised for the court's consideration were regarding with: (a) the findings and decision of the HCJ on the credibility and testimony of SP1; (b) the admissibility of evidence under s 27 of the EA; and (c) the injuries sustained by the accused.

Held: appeal allowed; setting aside the High Court's decision and accused ordered to enter his defence on the four murder charges:

(1) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** In relation to the evidence of a child witness, the HCJ had erred by referring to the incorrect legal provision, namely para 133(a) of the CPC. This is because there is no such para 133(a) in CPC, and the applicable provisions governing the evidence of child witnesses were provided under ss 118 and 133A of the EA. Pursuant to s 133A of the EA, it was the duty of the court to assess the competence of a child witness of tender years by evaluating the child's level of intelligence. The court must determine whether the child witness understands the nature of an oath and comprehends the obligation to speak the truth when giving evidence. In the present case, although SP1 was found to possess sufficient intellectual capacity to take an oath to speak the truth when testifying, the HCJ nevertheless decided to reject SP1's evidence in its entirety on the basis of perceived material inconsistencies in SP1's testimony. Accordingly, the HCJ erred in wholly rejecting the evidence of SP1 (see paras 21–23, 25–26 & 32).

(2) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** SP1 had seen the accused at least six times during the incident. Furthermore, SP1 had already known the accused prior to the incident, and the defence failed to raise any doubt regarding the fact which shows that SP1 indeed knew the accused before the incident. Hence, SP1's positive identification of the accused ought to have been accepted as credible and reliable evidence. The inconsistencies in SP1's identification of the accused were not of such significance as to warrant the complete rejection of SP1's testimony. Therefore, the HCJ erred in law in wholly rejecting SP1's evidence in relation to the identification of the accused (see paras 27–30 & 32).

(3) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** The evidence relating to the discovery of the case adduced based on information provided by the accused was never objected to by the defence. Although the knife P54A and the metal rod P55A were found after the police dug through a pile of burnt debris at the scene, it was an undisputed fact that these items were discovered based on the information given by the accused. Similarly, the accused had pointed out the motorcycle frame which was allegedly overturned to spill petrol and start the fire at the scene. Thus, there was no basis to reject such evidence on the ground that it was illegally obtained (see paras 38 & 40).

(4) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** The accused's act of pointing out the location of the discovered exhibits was relevant and admissible under s 8 of the EA. These pieces of evidence were relevant facts that link the accused to the fire at the scene, whether under ss 27 or 8 of the EA. In other words, the evidence constitutes circumstantial evidence capable of supporting the prosecution's case against the accused. Therefore, the learned HCJ erred in wholly rejecting the investigating officer's ('SP19') testimony regarding the discovery of case exhibits based on information provided by the accused (see paras 41–42).

(5) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** The medical officer at the clinic ('SP13') who treated a patient identified as the accused confirmed that the accused had suffered first-degree burns on his right hand, underarm, and ear. These injuries were recent which was within 12–24 hours. SP13's testimony was corroborated by the doctor who examined the accused ('SP14') at the Emergency Department of Banting Hospital. Based on the evidence of SP13 and SP14, an adverse inference could be drawn that the accused was present at the scene when the fire occurred, as described in SP1's testimony. The inference lends further support to the prosecution's case based on circumstantial evidence. The HCJ erred by failing to consider this strong circumstantial evidence in support of the prosecution (see paras 44–45).

(6) **(per Che Mohd Ruzima JCA)** The HCJ seriously erred in the evaluation of the prosecution's evidence against the accused. The evidence of SP1, as a credible eyewitness to the fire incident at the scene, should have been accepted. SP1's evidence, when supported by other circumstantial evidence, particularly uncontested scientific and forensic evidence of the defence, the discovery of case exhibits admissible under ss 27 and/or 8 of the EA 1950, and medical evidence regarding the injuries sustained by the accused, was sufficiently strong to support the accused's involvement in the commission of the offences charged. The order of discharge and acquittal granted by the HCJ in respect of the four murder charges was therefore set aside. The accused was ordered to enter his defence on all four murder charges (see paras 47–48).

(7) **(per Wong Kian Kheong JCA, concurring)** The accused, being dissatisfied with the Court of Appeal's decision, filed a notice of appeal to the Federal Court. However, the Court of Appeal's order does not constitute a 'decision' within the meaning of s 3 of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA'), as it did not finally dispose of the accused's rights in relation to the charges. Therefore, the accused has no right of appeal to the Federal Court against the Court of Appeal's order pursuant to s 87(1) of the CJA. Consequently, the accused's appeal to the Federal Court was not competent. Allowing the accused to proceed with such appeal would cause undue delay in the disposal of the trial in the High Court. This would be inconsistent with the legislative intent behind the definition of 'decision' under s 3 of the CJA, which is aimed at expediting the disposal of all cases (see paras 50–54).]

Kes-kes yang dirujuk

Balasingham v PP [1959] 1 MLJ 193 (dirujuk)
Bird Dominic Jude v PP [2014] 3 MLJ 745; [2014] 4 CLJ 133, MP (diikut)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405, MP (diikut)
Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389, MP (dirujuk)

Goi Ching Ang v PP [1999] 1 MLJ 507, MP (dirujuk)
Karpal Singh a/l Ram Singh v PP [2012] 5 MLJ 293, MP (dirujuk)
Lim Kheak Teong v PP [1985] 1 MLJ 38, MP (dirujuk)
Muharam bin Anson v PP [1981] 1 MLJ 222, MP (diikut)
Pathmanabhan a/l Nalliannen v PP and other appeals [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137, MP (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnappan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557, MR (dirujuk)
Ping Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo [2013] 6 MLJ 523, MR (dirujuk)
PP v Munusamy [1980] 2 MLJ 133, MP (dirujuk)
PP v Nordin bin Johan & Anor [1983] 2 MLJ 221, MP (dirujuk)
PP v Yeo Choon Poh [1994] 2 SLR 867, MR (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 24, 27, 118, 133A
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 50(1)(a), 60(1), 87(1)
Kanun Keseksaan ss 302, 324
Kanun Tatacara Jenayah ss 133(a), 181, 181(1), (2)
Supreme Court of Judicature Act 1969 [SG] s 54(1)

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Kang Chang Heng* [2022] MLJU 2941 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Dhiya Syazwani Izyan bt Mohd Akhir (Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor Darul Ehsan) bagi pihak perayu.
Lim Chin Huat (Lim Jye Kie and Lim Jye Lie bersamanya) (Lim Chin Huat & Co) bagi pihak responden.

Che Mohd Ruzima HMR:

PENDAHULUAN

[1] Kang Chang Heng ('OKT/responden') telah dituduh dengan lima pertuduhan menurut s 302 Kanun Keseksaan (KK). Pertuduhan pertama sehingga pertuduhan keempat adalah bagi kesalahan melakukan pembunuhan yang masing-masingnya terhadap Chia Tee Nan ('si mati 1') No K/P: 441910–10–5207 ('pertuduhan pertama'), Lim Mai Shiak ('si mati 2') No K/P: 491109–10–5164 ('pertuduhan kedua'), Chia Yuan Bin (si mati 3) No K/P: 140510–10–2395 ('pertuduhan ketiga') dan Ryan Chia Zheng Xi ('si mati 4') No K/P: 081215–140873 ('pertuduhan keempat'). Pembunuhan tersebut didakwa berlaku pada 13 Disember 2017, lebih kurang pada pukul 4 pagi sehingga 5 pagi di rumah Nombor 72, Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat, Selangor ('rumah tempat kejadian'). Pada tarikh, tempat dan waktu yang sama, OKT/responden turut dituduh melakukan kesalahan dengan sengaja mendatangkan kecederaan dengan menggunakan pisau

terhadap Andrew Chia Zheng Haol, No K/P: 061113–14–0835 ('pertuduhan kelima') iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum menurut s 324 KK.

[2] Pada akhir kes pendakwaan, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (YA HMT) telah memutuskan untuk melepaskan dan membebaskan OKT/responden daripada kesemua pertuduhan yang dikenakan tanpa dipanggil membela diri. Terkilan dengan keputusan tersebut, pendakwa raya ('PR') mengemukakan rayuan melalui notis rayuan bertarikh 2 November 2022, yang merayu terhadap keputusan YA HMT melepas dan membebaskan OKT/responden daripada kesalahan menurut s 302 KK bagi pertuduhan pertama sehingga pertuduhan keempat. Ini bermakna, PR tidak merayu ke atas keputusan YA HMT melepas dan membebaskan OKT/responden bagi pertuduhan kelima.

[3] Untuk memudahkan sebutan, pihak-pihak akan dirujuk sama sepertimana di mahkamah bicara, iaitu pihak pendakwaan ('PP') dan OKT.

FAKTA KES PP

[4] Pada 13 Disember 2017, lebih kurang pukul 5 pagi, ketika Andrew Chia Zheng Haol ('SP1') sedang tidur di bilik nombor 4 di rumah tempat kejadian, SP1 telah terjaga kerana terdengar bunyi orang sedang muntah. Pada ketika tersebut, SP1 tidur bersama adiknya, si mati 4. SP1 telah keluar dari biliknya dan pergi pintu utama rumah tempat kejadian untuk meninjau. SP1 dapat melihat daripada tingkap berhampiran pintu utama satu bayang-bayang seorang lelaki yang sedang menghala ke bahagian parkiran rumah tempat kejadian.

[5] SP1 kemudiannya telah pergi ke bilik neneknya, si mati 2. Bilik tersebut turut dihuni oleh adik saudara SP1 iaitu si mati 3. Si mati 2 telah membuka pintu biliknya dan pergi ke luar rumah melalui pintu utama sementara SP1 masih lagi berada di ruang tamu rumah. Sejurus selepas itu, SP1 mendengar jeritan dan bunyi seperti orang bergaduh dan dipukul dari arah luar rumah. Si mati 2 masuk semula ke dalam rumah tempat kejadian dalam keadaan berlumuran darah. SP1 melihat si mati 2 mengangkat gagang telefon lalu mendail nombor '012' dan kemudiannya si mati 2 telah keluar semula. SP1 melihat si mati 2 pergi ke sebelah kiri parkiran untuk menghidupkan motosikal. Namun begitu, semasa si mati 2 berusaha menghidupkan enjin motosikal, dia telah dipukul oleh seorang lelaki menggunakan sebatang kayu besar.

[6] SP1 dapat melihat dengan jelas separuh muka lelaki tersebut kerana ada lampu yang terpasang di kawasan parkiran dan ditambah dengan lampu motosikal yang cuba dihidupkan oleh si mati 2. Lelaki yang dilihat oleh SP1

yang memukul si mati 2 dicamkan sebagai OKT, yang juga merupakan teman lelaki kepada ibu saudaranya, iaitu Chia Hui Ling ('SP22'). Motosikal yang dihidupkan oleh si mati 2 cuba digerakkan hingga ke pintu pagar namun telah diserang oleh OKT sehinggakan si mati 2 terjatuh dari motosikal.

[7] SP1 buat keputusan untuk lari ke pintu belakang dan membukanya. SP1 melihat si mati 2 sedang merangkak dari kawasan parkiran menuju ke kaki lima di bahagian tepi rumah tempat kejadian untuk menuju ke pintu belakang. Buat kali kedua, SP1 melihat OKT yang sedang berdiri di belakang si mati 2 sambil memandang ke arah si mati 2. Pada masa inilah, SP1 dapat melihat dengan jelas wajah OKT sepenuhnya. SP1 kemudiannya menutup pintu belakang dan lari semula ke pintu utama. SP1 mendengar bunyi ketukan pada pintu utama dan menyangkakan datuknya, si mati 1 yang mengetuk pintu tersebut. SP1 membuka pintu utama dan melihat OKT yang berdiri di hadapan pintu sambil menutup muka dengan baju yang dipakai dan seterusnya OKT telah menolak SP1 hingga terjatuh. Pada masa yang sama, OKT juga telah mengelar di bahagian leher SP1 sebanyak dua kali menyebabkan SP1 pengsan.

[8] Setelah tersedar, SP1 memandang ke arah pintu utama yang sedang terbuka dan melihat OKT sedang melompat-lompat kegembiraan. SP1 cuba berdiri dan OKT telah menoleh ke arahnya, lantas SP1 lari ke bahagian belakang rumah tempat kejadian dan menyorok di salah satu bilik mandi. Pada waktu itu, SP1 hanya mampu berdoa agar dirinya selamat. Kemudiannya, SP1 mendengar bunyi seakan orang sedang menyelongkar bilik dan mencari sesuatu di dalam almari berhampiran kawasan bilik mandi tersebut. Seterusnya, SP1 dapati keseluruhan lampu dalam rumah tempat kejadian dimatikan dan SP1 mendengar bunyi letupan yang diikuti dengan kejadian kebakaran.

[9] SP1 keluar dari bilik air tersebut dan melihat bilik pejabat milik si mati 1 sedang terbakar. Ketika api marak menyala, SP1 terdengar tangisan si mati 3. SP1 cuba pergi ke bilik si mati 3, namun begitu ada satu palang kayu yang jatuh dari bumbung yang menyebabkan api semakin marak. SP1 gagal menyelamatkan si mati 3 dan dia terpaksa keluar melalui pintu belakang. SP1 telah beredar dari kawasan rumah tempat kejadian menggunakan sebuah basikal. Ketika mengayuh basikal, SP1 ternampak beberapa orang yang berada berhampiran rumah tempat kejadian. SP1 cuba meminta bantuan daripada penunggang motosikal yang dijumpainya dan kemudian SP1 dihantar ke rumah saudaranya.

KEPUTUSAN YA HMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[10] YA HMT menolak keterangan SP1 walaupun mendapati SP1 berupaya memahami sifat tentang keterangan bersumpah setelah mengadakan ujian pemahaman ke atas SP1 yang berusia 11 tahun semasa kejadian dan 13 tahun semasa memberikan keterangan di mahkamah. SP1 ialah satu-satunya saksi yang melihat sendiri kejadian yang dikemukakan PP. Penolakan tersebut adalah berdasarkan kepada apa yang YA HMT dikatakan sebagai wujudnya beberapa percanggahan fakta dalam keterangan SP1. YA HMT juga berpandangan dan mendapati adanya percanggahan dalam keterangan SP1 berkaitan dengan pengecaman ke atas OKT.

[11] Walaupun YA HMT menyedari bahawa PP bergantung kepada keterangan bersandarkan keadaan dan mendapati OKT berada di rumah tempat kejadian semasa kejadian kebakaran, namun begitu, keterangan SP1 yang nampak ada beberapa orang di rumah tempat kejadian semasa beliau menaiki basikal keluar dari rumah tempat kejadian tidak boleh menjuruskan kepada satu kesimpulan iaitu OKT bersalah tanpa keraguan yang munasabah.

[12] Berhubung dengan keterangan yang cuba dibawa PP menurut s 27 Akta Keterangan 1950 ('AK 1950') pula, YA HMT mendapati bahawa senjata yang ditemui bukannya ditunjuk oleh OKT, sebaliknya ditemui oleh pasukan polis yang di ketuai pegawai penyiasat ASP Daimie Jamilin ('SP19') melalui carian dan hasil korekan di tempat rumah kejadian. Begitu juga dengan rangka motosikal, ianya ditemui di rumah tempat kejadian di tempat letak kenderaan tanpa perlu dicari. Oleh itu, peruntukan s 27 AK 1950 tidak terpakai kerana pertama, senjata yang dikatakan digunakan oleh OKT dijumpai hasil daripada korekan yang dibuat oleh SP19 serta pasukannya dan kedua, semasa pemeriksaan balas SP19 menyatakan bahawa ekshibit satu pisau pemotong daging berkarat, satu besi berkarat dan satu rangka motosikal telah dijumpai oleh SP19 serta pasukannya. SP19 tidak pernah mengatakan ianya dijumpai hasil daripada pandu arah OKT.

[13] Akhirnya, YA HMT memutuskan bahawa apabila PP bergantung kepada keterangan bersandarkan keadaan, PP perlu membuktikan motif untuk mengaitkan OKT dengan pertuduhan. Dalam hal ini, YA HMT mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan melalui SP3 dan SP 22 iaitu anak-anak si mati 1 dan si mati 2 tidak kukuh untuk menunjukkan adanya motif untuk melakukan pembunuhan ke atas keempat-empat si mati.

[14] Oleh itu, PP gagal membuktikan kes prima facie terhadap OKT di akhir kes pendakwaan dan OKT dibebaskan dan dilepaskan daripada semua pertuduhan tanpa dipanggil membela diri.

RAYUAN OLEH PP

[15] PP menyenaraikan lapan belas alasan rayuan dalam petisyen rayuan yang difailkan. Semasa berhujah di hadapan kami, timbalan pendakwa raya ('TPR') fokus hanya kepada tiga isu utama iaitu, pertama, isu berkaitan dengan dapatan dan keputusan YA HMT ke atas penyaksian dan keterangan oleh SP1, kedua, isu berhubungan dengan penerimaan masuk keterangan menurut s 27 AK 1950, dan ketiga, isu mengenai keterangan berkaitan dengan kecederaan yang telah dialami oleh OKT.

DAPATAN KAMI

[16] Undang-undang berhubungan dengan kuasa campur tangan Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi adalah jelas. Subseksyen 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan:

> 60 *Powers of Court of Appeal*
>
> (1) At the hearing of an appeal the Court of Appeal shall hear the appellant or his advocate, if he appears, and, if it thinks fit, the respondent or his advocate, if he appears, and may hear the appellant or his advocate in reply, and the Court of Appeal may thereupon confirm, reverse or vary the decision of the High Court, or may order a retrial or may remit the matter with the opinion of the Court of Appeal thereon to the trial court, or may make such other order in the matter as to it may seem just, and may by that order exercise any power which the trial court might have exercised:
>
> Provided that the Court of Appeal may, notwithstanding that it is of opinion that the point raised in the appeal might be decided in favour of the appellant, dismiss the appeal if it considers that no substantial miscarriage of justice has occurred.

Sementara itu, prinsip undang-undang berhubungan dengan kuasa campur tangan mahkamah di peringkat rayuan juga adalah mantap. *Mallal's Criminal Procedure* (Edisi ke 8) ada menyatakan:

> As a general rule, an appellate court will not interfere with the findings of fact by the lower court. However, there are exceptions to this general rule. An appellate court is always empowered to interfere and must interfere if the findings of fact of the trial judge suffer from some serious error or the decision is against the weight of evidence. In such a case the appellate court has a duty to make up and must make up its own mind, not disregarding the judgment appealed from and giving special weight to that judgment in cases where the credibility of the witnesses comes into question but with full liberty to draw its own inference from the facts proved or admitted and to decide accordingly.

Berhubungan dengan perkara yang sama, Mahkamah Persekutuan semasa membuat keputusan dalam kes *Lim Kheak Teong v Public Prosecutor* [1985]

1 MLJ 38 telah membuat pemerhatian yang berikut:

> Lord Reid reiterated this same principle in *Benmax v Austin Motor Co Ltd* [1955] AC 370 p 375, where he quoted from Lord Thankerton's judgment in *Thomas v Thomas* [1947] 1 All ER 582 that:
>
> > Where a question of fact has been tried by a judge without a jury, and there is no question of misdirection of himself by the judge, an appellate court which is disposed to come to a different conclusion on the printed evidence, should not do so unless it is satisfied that any advantage enjoyed by the trial judge by reason of having seen and heard the witnesses, could not be sufficient to explain or justify the trial judge's conclusion.
>
> The learned appellate judge held that the learned President had 'misdirected himself on the explanation of the accused'. Given the facts as stated in the appeal record, can it be said that there was a misdirection? Or can it be said that the decision of the learned President was 'plainly unsound'? (*Thomas v Thomas*). On the facts of this case, we do not think so.

Lihat juga di antara lainnya, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Munusamy* [1980] 2 MLJ 133 dan kes *Public Prosecutor v Nordin bin Johan & Anor* [1983] 2 MLJ 221 serta keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 dan kes *Ping Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523.

[17] Untuk pendengaran rayuan terhadap perintah pembebasan dan pelepasan oleh Mahkamah Tinggi pula, kuasa Mahkamah Rayuan tidaklah tertakluk kepada sebarang had atau syarat nyata. Dalam kes *Public Prosecutor v Yeo Choon Poh* [1994] 2 SLR 867, Mahkamah Rayuan di Singapura telah meneliti peruntukan sub-s 54(1) Supreme Court of Judicature Act (Cap 322), yang in pari materia dengan peruntukan sub-s 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dan seterusnya memutuskan sepertimana berikut:

> A reading of the above section shows that the powers that this court can exercise on an appeal from an acquittal are not subject to any express limitation. As the appeal in the present case is primarily an appeal on fact, we turn to the Privy Council decision of *Sheo Swarup v King-Emperor* [1934] AIR PC 227(2) where the Board succinctly set out the principles that a High Court should consider when dealing with acquittals on a matter of fact from the sessions court. There, the relevant provision in the Indian Criminal Procedure Code under consideration was s 423 which is similar to our s 54 in that there was no limitation or restriction on the High Court in the exercise of its power as an appellate tribunal. We therefore consider the observations of the Board highly instructive.
>
> It was argued by the appellants before the Board that on an appeal from an order of acquittal on a matter of fact it was not open to the appellate court to interfere with findings of fact unless it could be said that those findings reached by the trial judge could not have been reached by him had it not been for some perversity or incompetence on his part.

Lord Russell, in delivering the judgment of the Board, rejected that argument and said that there was no limitation on the power of the appellate court unless it was expressly set out in the Code (which it was not) and laid down four guidelines or an appellate court to consider before reaching its conclusions upon fact. They were:

> (1) the views of the trial judge as to the credibility of the witnesses;
>
> (2) the presumption of innocence in favour of the accused, a presumption certainly not weakened by the fact that he had been acquitted at his trial;
>
> (3) the right of the accused to the benefit of the doubt;
>
> (4) the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact by the trial judge who had the advantage of seeing the witness.

We endorse these four guidelines but also emphasize that they must be viewed in the light of the facts of each case. In the present case, guidelines (1) to (3) operated against the respondent in that the trial judge found that he was not a good witness, and the presumption of innocence was displaced by the respondent's undisputed possession of the drugs in his car, giving rise to the presumption of knowledge of the drugs which he had to rebut on a balance of probabilities.

[18] Berasaskan peruntukan dan prinsip undang-undang yang mantap tersebut, kami membuat pertimbangan ke atas rayuan PP. Sebagai permulaan, perlulah juga diingatkan bahawa ada satu prinsip undang-undang yang penting berhubung dengan rayuan, iaitu suatu prosiding rayuan itu adalah sambungan daripada prosiding perbicaraan kes tersebut. Prinsip undang-undang tersebut telah lama diterima oleh mahkamah di negara kita iaitu sejak tahun 1959 lagi. Ianya dapat dilihat melalui keputusan dalam kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193, apabila Ismail Khan H memutuskan:

> ... In any case I think it is a most unsatisfactory and cavalier way of dealing with highly controversial facts. In addition, such a laconic expression is far from helpful to the appellate court guided only by the printed evidence to ascertain whether the conviction is against the weight of the evidence. But here I find substantial reasons for interference. An appeal is merely a continuation of proceedings by way of rehearing and litigants as well as the appellate court are entitled to know the reasons for the finding.

Prinsip undang-undang tersebut sering kali diterima pakai oleh mahkamah di negara ini termasuklah dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bird Dominic Jude v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 745; [2014] 4 CLJ 133. Dalam kes tersebut, Zulkefli HB (Malaya) telah memutuskan:

> [19] Furthermore, in the present case, the prosecution has filed a notice of appeal against the acquittal decision of the High Court. On this point it is important to consider that an appeal is a continuation of a trial (see the case of *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193). Consequently, the criminal proceedings

against the appellant is continued. This gives jurisdiction to the Court of Appeal to rehear the case and decide on the appellant's guilt or innocence in respect of the drug trafficking charge against him. ...

[19] Berlandaskan kepada prinsip undang-undang tersebut, kami telah meneliti dengan penuh teliti nota keterangan ('NK') dan alasan penghakiman ('AP') yang disediakan oleh YA HMT dalam rekod rayuan ('RR') untuk menentukan sama ada dapatan dan keputusan YA HMT melepas dan membebas OKT daripada kesemua pertuduhan adalah selari dengan keterangan yang ada di hadapan beliau.

[20] Daripada keterangan, nyatalah bahawa PP semasa mengemukakan kes di peringkat pendakwaan bergantung kepada keterangan terus melalui keterangan saksi yang melihat sendiri kejadian dan juga melalui keterangan bersandarkan keadaan. Tiga isu utama yang dihujahkan PP di hadapan kami adalah berkaitan dengan kedua-dua kategori keterangan tersebut. Bagi isu pertama, ianya adalah berkaitan dengan keterangan terus, iaitu keterangan saksi yang melihat sendiri kejadian dan untuk isu kedua serta isu ketiga, ianya berkaitan dengan keterangan bersandarkan keadaan, iaitu keterangan menurut s 27 AK 1950 dan keterangan mengenai kecederaan yang dialami sendiri oleh OKT.

ISU PERTAMA

[21] Saksi penting PP, iaitu SP1 ialah satu-satunya saksi yang melihat sendiri kejadian di rumah tempat kejadian. Dia adalah seorang kanak-kanak berusia 11 tahun semasa kejadian dan berusia 13 tahun semasa memberikan keterangan. Berkaitan dengan keterangan oleh kanak-kanak, YA HMT telah merujuk kepada peruntukan di perenggan 133(a) KTJ sepertimana yang dapat dilihat di perenggan 41 AP. Pada perenggan yang sama, YA HMT ada menyentuh tentang ujian kecerdikan yang dijalankannya untuk menentukan sama ada SP1 memahami makna 'sumpah' dan memahami keperluan untuk bercakap benar semasa memberikan keterangan. YA HMT seterusnya membuat dapatan bahawa SP1 mampu mengangkat sumpah untuk memberikan keterangan sebagai seorang saksi.

[22] Nampaknya, YA HMT telah melakukan kesilapan apabila merujuk kepada undang-undang yang salah. Ini kerana, tiada perenggan 133(a) dalam KTJ dan undang-undang yang berhubungan dengan keterangan kanak-kanak ada diperuntukkan menurut ss 118 dan 133A AK 1950. Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan keseluruhan peruntukan undang-undang berkenaan seperti yang berikut:

118 Who may testify

All persons shall be competent to testify unless the court considers that they are prevented from understanding the questions put to them or from giving rational answers to those questions by tender years, extreme old age, disease, whether of body or mind, or any other cause of the same kind.

Explanation — A mentally disordered person or a lunatic is not incompetent to testify unless he is prevented by his condition from understanding the questions put to him and giving rational answers to them.

133A Evidence of child of tender years

Where, in any proceedings against any person for any offence, any child of tender years called as a witness does not in the opinion of the court understand the nature of an oath, his evidence may be received, though not given upon oath, if, in the opinion of the court, he is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence, and understands the duty of speaking the truth; and his evidence, though not given on oath, but otherwise taken and reduced into writing in accordance with section 269 of the Criminal Procedure Code shall be deemed to be a deposition within the meaning of that section:

Provided that, where evidence admitted by virtue of this section is given on behalf of the prosecution, the accused shall not be liable to be convicted of the offence unless that evidence is corroborated by some other material evidence in support thereof implicating him.

Daripada peruntukan undang-undang tersebut, nampaknya YA HMT sememangnya berhasrat untuk merujuk kepada s 133A AK 1950 dan bukannya perenggan 133(a) KTJ. Tindakan YA HMT melakukan ujian kecerdikan terhadap SP1 adalah selari dengan kehendak dalam peruntukan s 133A AK 1950.

[23] Menurut s 133A AK 1950, mahkamah bertanggungjawab untuk menilai kecekapan mana-mana saksi kanak-kanak yang masih mentah dengan mengukur tahap kecerdasannya. Penilaian perlu dibuat untuk menilai sama ada saksi kanak-kanak tersebut boleh memahami sifat sumpah dan tahu kewajipan bercakap benar semasa memberikan keterangan. Sekiranya mahkamah berpendapat bahawa saksi kanak tersebut tidak memahami maksud suatu sumpah, keterangannya yang diambil walaupun bukan dengan mengangkat sumpah, masih boleh diterima jika pada pandangan mahkamah saksi kanak-kanak yang masih mentah tersebut mempunyai akal yang cukup bagi mewajarkan penerimaan keterangannya dan dia faham tentang kewajipan untuk bercakap benar, dengan syarat, keterangan saksi kanak-kanak yang masih mentah tersebut perlulah disokong dengan keterangan lain yang matan.

[24] Sebaliknya, jika mahkamah mendapati bahawa saksi kanak-kanak yang masih mentah tersebut memahami sifat sumpah dan mempunyai kapasiti intelek yang mencukupi untuk mengikrarkan sumpah untuk bercakap benar semasa mengemukakan keterangan, maka saksi kanak-kanak yang masih

mentah tersebut boleh diambil keterangannya sama sepertimana saksi yang berkelayakan memberikan keterangan menurut peruntukan s 118 AK 1950.

[25] Berbalik kepada keterangan SP1, YA HMT secara jelas menyatakan bahawa beliau berpuas hati SP1 memahami sifat tentang keterangan bersumpah dan tanggungjawabnya untuk bercakap benar setelah membuat pemerhatian ke atas soalan-soalan kecerdasan yang diajukan kepadanya. Selanjutnya, YA HMT mendapati SP1 boleh mengangkat sumpah untuk memberikan keterangan. Daripada pemerhatian dan dapatan tersebut, nyatalah bahawa YA HMT telah membuat dapatan fakta tentang keupayaan SP1 dan menerima SP1 sebagai seorang saksi yang berwibawa menurut s 118 AK 1950. Setelah kami teliti nota keterangan berkaitan dengan ujian kecerdasan terhadap SP1, terutamanya jawapan SP1 kepada soalan-soalan awalan yang dikemukakan PP, kami bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh YA HMT iaitu SP1 mempunyai kapasiti intelek yang mencukupi untuk mengikrarkan sumpah untuk bercakap benar semasa mengemukakan keterangan. Lihat nota keterangan ('NK') di ms 5 hingga 7 Rekod Rayuan ('RR') Jld 2(1) di kandungan 8.

[26] Walaupun begitu, semasa membuat penilaian terhadap keterangan yang diberikan oleh SP1, YA HMT berpandangan bahawa ada banyak percanggahan fakta dalam keterangan SP1. YA HMT memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP1. Pada perenggan 43 AP, YA HMT menyenaraikan percanggahan-percanggahan fakta dalam keterangan SP1 seperti yang berikut:

(a) Kedua-dua mayat nenek dan datuknya ditemui di bahagian tengah ruang tamu. Sekiranya keterangan yang diberi SP1 adalah betul, sudah tentu mayat neneknya berada di bahagian pintu belakang. Juga tiada apa-apa keterangan daripada SP1 apa yang terjadi kepada datuknya pada malam kejadian. Ini langsung tidak dijelaskan oleh SP1 dan juga langsung tidak ditanya oleh pihak timbalan pendakwa raya;

(b) Pihak pendakwaan gagal menjelaskan melalui SP1 bagaimanakah mayat datuknya boleh ditemui di bahagian ruang tamu rumahnya bersama dengan mayat isterinya;

(c) Saya mendapati keterangan SP1 yang menyatakan , kali pertama SP1 nampak OKT keadaan bentuk bayangan dari belakang. Kali kedua, beliau melihat separuh daripada muka OKT. Kali ketiga beliau melihat OKT dengan jelas kerana adanya cahaya dari lampu di ruang tempat parkir kereta dan OKT tidak memakai topeng semasa neneknya merangkak menuju dari tempat parkir kereta ke pintu belakang;

(d) Saya mendapati keterangan SP1 berkenaan pengecaman OKT di perenggan (c) di atas adalah meragukan dan ditolak oleh mahkamah berasaskan alasan-alasan berikut. Pertama, semasa SP1 membuka pintu utama selepas pintu tersebut diketuk, SP1 mendapati OKT memakai

topeng. Keduanya, saya mendapati rakaman perbualan yang dirakam oleh SP3 adalah jelas berbeza dengan keterangan SP1 di mana SP1 menyatakan pencuri telah membunuh dan membakar rumah datuknya dan pencuri tersebut memakai topeng, pencuri itu macam orang Melayu;

(e) Saya mendapati pihak pendakwaan cuba menghujahkan tidak berlakunya apa-apa percanggahan pengecaman OKT kerana semasa rakaman perbualan tersebut dirakam, OKT berada dalam keadaan ketakutan dan trauma. Saya menolak hujahan ini. Pertama, saya mendapati SP1 dapat menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh SP3 dengan baik dan teratur. Kedua, saya mengambil pengiktirafan penghakiman (*judicial notice*) kebiasaannya seorang kanak-kanak tidak akan bercakap bohong. Ketiga, rakaman perbualan itu dirakamkan sejurus selepas insiden rumah nenek SP1 terbakar dan berlakunya kematian, tidak ada sebabnya untuk SP1 menyatakan sesuatu yang tidak benar. Keempat, SP1 menyatakan beliau telah mengenali OKT lebih setahun dan lebih daripada tujuh kali SP1 ada menemui OKT sebelum kejadian. Sekiranya benar bahawa OKT merupakan lelaki yang membakar rumah datuknya yang menyebabkan empat orang meninggal dunia, sudah tentu SP1 yang ketika itu seorang kanak-kanak, ketika rakaman perbualan itu akan mengatakan bahawa OKT adalah orang yang membakar rumah neneknya dan menyebabkan kematian orang yang berada dalam rumah tersebut;

(f) SP1 menyatakan beliau nampak neneknya cuba menghidupkan motosikal dan berjaya menggerakkan motosikal tersebut menghala keluar ke pintu pagar sebelum diserang oleh OKT. Di tempat kejadian, saya mendapati adanya empat buah motosikal. Berasaskan gambar-gambar yang diambil oleh jurugambar Bomba (SP?) (Rujuk gambar-gambar eksh P20 (1), P20(7)-P20(10) dan juga gambar-gambar yang diambil oleh jurugambar polis ('SP5'). (Rujuk gambar-gambar eksh P11 (24–31) menunjukkan bahawa sememangnya tiada motosikal yang dialih dari tempat parkir ke arah pintu pagar kerana kesemua motosikal didapati berada di tempat parkir. Dalam erti kata lain, saya membuat dapatan fakta bahawa tidak ada mana-mana daripada keempat-empat motosikal tersebut telah beralih dari tempat asal; dan

(g) Pada hari yang sama, SP1 telah dibawa berjumpa doktor di Hospital Banting iaitu SP21. Berasaskan catitan di laporan perubatan yang disediakan oleh SP21, dicatitkan bahawa 'he was attacked by thieves'. Berasaskan catitan ini, peguam menghujahkan bahawa terdapatnya sekurang-kurang dua orang pencuri yang tidak dikenali telah dilihat dan ditemui oleh SP1 semasa kejadian tersebut yang mana sememangnya tidak termasuk OKT disebabkan SP1 telah mengenali OKT sebelum ini. Saya menerima hujahan ini kerana SP1 juga dalam keterangannya menyatakan sebelum beliau beredar dari rumah tempat kejadian, beliau nampak ada beberapa orang di rumah neneknya (rujuk ms 15 baris 31 nota keterangan).

Daripada tujuh percanggahan yang disenaraikan, empat alasan adalah

berkaitan dengan isu pengecaman yang dibuat oleh SP1 terhadap OKT, iaitu di perenggan kecil (c) sehingga (f). Nampaknya, YA HMT meragui akan keterangan pengecaman yang dikemukakan oleh SP1 terhadap OKT.

[27] Persoalannya, apakah percanggahan-percanggahan berkaitan dengan pengecaman tersebut sangat serius sehinggakan boleh meragukan kes PP? Bagi menjawab persoalan tersebut, keterangan SP1 tentang pengecamannya terhadap OKT perlulah diteliti. Setelah diteliti keterangan SP1 yang dapat dilihat dalam RR di kandungan 8, kami bersetuju dengan hujahan TPR yang menyatakan bahawa SP1 sekurang-kurangnya telah enam kali melihat OKT pada masa kejadian. Berdasarkan keterangan yang diberikan SP1, pengecaman terhadap OKT ialah sepertimana berikut:

(a) kali pertama SP1 melihat OKT separuh muka di kawasan parkiran rumah tempat kejadian ketika sedang memukul si mati 2 (lihat NK di ms 11, RR di kandungan 8);

(b) kali kedua SP1 melihat OKT memukul si mati 2 sehinggakan terjatuh ketika si mati 2 cuba membawa motosikalnya ke pagar rumah tempat kejadian (lihat NK di ms 11 dan di bahagian akhir ms 12, RR di kandungan 8);

(c) kali ketiga SP1 melihat secara sepenuh muka OKT ketika OKT berdiri di belakang si mati 2 sambil memerhatikan si mati 2 (lihat NK di bahagian awal ms 13, RR di kandungan 8);

(d) kali keempat semasa SP1 berada di hadapan pintu utama rumah tempat kejadian apabila OKT menolak SP1 dan mengelar leher SP1 menggunakan pisau sehinggakan dia pengsan, dan pada ketika itu, OKT menutup separuh mukanya menggunakan baju (lihat NK di bahagian akhir ms 13, serta di ms 41 dan 42, RR di kandungan 8 semasa SP1 disoal balas);

(e) kali kelima setelah sedar dari pengsan, SP1 melihat OKT melompat kegirangan di kawasan parkiran di hadapan rumah tempat kejadian (lihat NK di ms 13, RR di kandungan 8 iaitu jawapan kepada soalan terakhir); dan

(f) kali keenam apabila OKT terpandang semula SP1 dan SP1 lari ke belakang rumah, dan menyorok di dalam bilik air (lihat NK di ms 14, RR di kandungan 8).

[28] Seyogia diingatkan, SP1 telah ditanya berkaitan dengan latar belakang hubungannya dengan OKT semasa memberikan keterangan. Menurut SP1, dia telah mengenali OKT sebelum daripada kejadian lagi. OKT dikenal pasti sebagai teman lelaki ibu saudaranya, Chia Hui Lin ('SP22'), iaitu adik perempuan bapa SP1 yang juga anak kepada si mati 1 dengan si mati 2. Di

samping itu, SP1 telah membuat pengecaman terhadap OKT yang berada di dalam kandang salah di mahkamah semasa memberikan keterangan. Lihat NK di ms 11 dan 12, RR di Kandungan 8. Semasa disoal balas, SP1 sekali lagi menyatakan bahawa dia mengenali OKT sebagai teman lelaki baru SP22 dan telah mengenalinya lebih dari satu tahun sebelum kejadian. Lihat NK di ms 42, RR di kandungan 8.

[29] Keterangan SP1 yang menyatakan bahawa dia mengenali OKT setahun sebelum kejadian disokong oleh keterangan SP22. Menurut SP22, OKT telah tinggal bersama-samanya semenjak tahun 2016 dan hasil perhubungan mereka telah mendapat seorang anak perempuan. Daripada keterangan SP1 dan SP22 tersebut, fakta yang menunjukkan SP1 telah mengenali OKT lama sebelum kejadian sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Jawapan yang diberikan oleh SP1 semasa di peringkat pemeriksaan awalan dan kemudiannya semasa disoal balas telah dengan jelas mengesahkan fakta tersebut. Kami mendapati tiada sebarang keraguan yang dapat dibangkitkan pihak pembelaan berkaitan dengan fakta yang menunjukkan SP1 sememangnya mengenali OKT sebelum kejadian.

[30] Walaupun pihak pembelaan cuba menimbulkan keraguan dengan mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan pemakaian topeng oleh pelaku dalam kejadian di rumah tempat kejadian, penggunaan perkataan 'thieves' dalam sejarah latar belakang kejadian yang dicatatkan dalam laporan perubatan ('P3'), kehadiran orang lain selain daripada OKT semasa kejadian dan juga keadaan pencahayaan semasa kejadian, kami mendapati bahawa jawapan-jawapan yang diberikan SP1 secara tegas menunjukkan bahawa hanya OKT yang berada di rumah tempat kejadian pada pagi kejadian. Oleh itu, pengecaman positif SP1 terhadap OKT seharusnya diterima sebagai keterangan yang mantap.

[31] Prinsip undang-undang berkaitan dengan pengecaman terhadap orang yang dikenali adalah jelas. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muharam bin Anson v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 222 telah membuat pemerhatian dan seterusnya memutuskan seperti yang berikut:

> At the trial Liaw Teck testified that he saw the face of the appellant by means of a torchlight and he thought the other person who was with the appellant was his son, Laiya. The testimony of Liaw Teck, the principal prosecution witness, was supported by his wife, Yuen Chew Lee. Both Liaw Teck and the appellant had had been neighbours for more than ten years albeit they did not appear to be on speaking terms at the material time.
>
> In *Arthurs v Attorney-General for Northern Ireland* [1971] 55 Cr App R 161 the court of Criminal Appeal in Northern Ireland formulated the following question involving a point of law of general public importance for the consideration of the House of Lords and the question reads:

A

> When, in the course of a trial on indictment, a conviction appears to depend wholly or substantially on the visual identification of the accused by one or more than one witness, is it in law the duty of the presiding judge to give a general warning to the jury of the dangers of acting on such evidence?

B

Lord Morris of Borthy-Gest, who gave the leading opinion of the house, with which the other members also concurred, said at p 168:

> Where conviction will involve the acceptance of the challenged evidence of one or more witnesses in regard to identification, a summing-up would be deficient if it did not give suitable guidance in regard to identification. The circumstances of individual cases will, however, greatly differ. Thus, there may be cases in which a witness can say that at a certain place and time he saw and clearly recognised the accused person. If the accused person was someone who was well known to him or at least was well known to him by sight and if the conditions at the relevant time were such that there was nothing to impede or to prevent recognition or to make recognition difficult, then a jury would mainly have to consider whether the witness was both truthful and dependable. In the present case the police constable knew the accused well. There was no dispute as to that. It was for the jury to decide not only whether the police constable was a truthful witness but also whether the conditions which existed at the time when the police constable claimed to have seen and recognised the accused were such that a mistake might have been made ... There will, however, be some cases where the situation is very different. I refer to cases where a witness has seen someone whom he does not in any way know and has had over a period of time to carry in his mind's eye a recollection of the person and then is at some later date asked (either at an identification parade or at some place) to say whether he can recognise the person whom he previously saw. In such a situation it is manifest that dangers may result from human fallibility. I would leave for future consideration the question whether there is need to lay down any rule for the guidance of courts in such cases ...

C

D

E

F

G

Although Liaw Teck was about 70 years of age and his wife, Yuen Chew Lee was approximately 50 years old at the time of the incident, the learned trial judge said that both appeared to be mentally alert and physically strong when they gave their evidence before him. Both impressed the learned trial judge as truthful witnesses. The learned trial judge said that when Liaw Teck was asked whether he saw the face of the other person who was with the appellant that night he stated without hesitation that he did not see the other person's face. He merely guessed that he was the son of the appellant. Yuen's testimony was that though she saw the faces of the two men that night she only saw the appellant's face clearly. The learned trial judge explained that both Liaw Teck and his wife could have easily said that they saw the face of the other person clearly and identified him as that of Laiya but they did not do so.

H

I

Turning to the question of the possibility that the appellant might have been wrongly identified by both Liaw Teck and his wife the learned trial judge said at p 4 of his judgment:

> In dealing with evidence of visual identification the court has to remind itself of the special need for caution before convicting the accused in reliance on the

> correctness of the identification or identifications. The offence, in this case, was committed at night and the two witnesses saw the accused for no more than a few seconds. However, when these two witnesses saw the face of the 1st accused, they were only about 15 feet to 18 feet away from him and PW1 ('Liaw Teck') flashed the torchlight on the face of the first accused who was known to them as a neighbour for more than ten years. This was more a case of recognition than mere identification. Both witnesses said that they were sure that it was Muharam who came to their house. According to ASP Terence Wong ('PW6') when he arrived at PW1's house (later that night) PW1 appeared to be very sure when he said that it was Muharam who set fire to the house. After careful consideration of all the circumstances surrounding this case and the demeanour of the witnesses, I was satisfied beyond reasonable doubt that it was the 1st accused who came and set fire to Liaw Teck's house.
>
> Having regard to the observations of Lord Morris in *Arthurs*' case we think the learned trial judge had properly subjected the testimonies of Liaw Teck and ms wife to close scrutiny. After doing that we agree with the view of the learned trial judge that this was more a case of recognition than mere identification. On the evidence adduced before the court we also agree with his conclusion that it was the appellant who wilfully set fire to the dwelling house of Liaw Teck that night intending to cause its destruction.

Mengguna pakai prinsip undang-undang berhubungan dengan pengecaman ke atas orang yang dikenali tersebut, kami berpandangan bahawa pengecaman yang dibuat SP1 terhadap OKT perlulah diterima tanpa waswas.

[32] Berhubungan dengan isu percanggahan dalam keterangan SP1 pula, setelah kami meneliti percanggahan-percanggahan yang dihujahkan peguam OKT, kami mendapati bahawa percanggahan-percanggahan berhubung dengan pengecaman terhadap OKT bukanlah percanggahan yang serius sehinggakan keseluruhan keterangan SP1 perlulah ditolak. Dalam hal ini, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405 telah membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> 215 Furthermore it is trite that every witness is entitled to credence and must be believed and his testimony accepted unless there are good and cogent reasons not to believe him. In *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] 1 MLJ 257, (at p 258) Thomson CJ said this:
>
> > When a police witness says something that is not inherently improbable his evidence must in the first instance be accepted.
>
> 216 And in *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] MLJ 193 (at p 194) Ismail Khan J (as he then was) stated:
>
> > After all there is no legal presumption that an interested witness should not be believed. He is entitled to credence until cogent reasons for disbelief can be

advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances.

217 So what happens when there are discrepancies or contradictions in a witness' testimony? Would that make him less than credible and lead to an outright rejection of his entire testimony? In *Chean Siong Guat v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 63 (at pp 63–64) Abdul Hamid J (as he then was) had this to say:

> Discrepancies may, in my view, be found in any case for the simple reason that no two persons can describe the same thing in exactly the same way. Sometimes what may appear to be discrepancies are in reality different ways of describing the same thing, or it may happen that the witnesses who are describing the same thing might have seen it in different ways and at different times and that is how discrepancies are likely to arise. These discrepancies may either be minor or serious discrepancies.
>
> Absolute truth is I think beyond human perception and conflicting versions of an incident, even by honest and disinterested witnesses, is a common experience. In weighing the testimony of witnesses, human fallibility in observation, retention and recollection are often recognised by the court. Being a question of fact, what a magistrate need do is to consider the discrepancies and say whether they are minor or serious discrepancies. If, after con-them. On the other hand, if a magistrate finds that the discrepancies do not detract from the value of the testimony of the witness or witnesses, it would then be proper for him to regard the discrepancies as trivial and ignore them. On the other hand, if a magistrate finds that the discrepancies relate to a material point which would seriously affect the value of the testimony of the witness or witnesses, then it would be his duty to weigh the evidence carefully in arriving at the truth.

218 And in *Pie Bin Chin v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 234 (at pp 235–236), Wan Yahya J (as he then was) said:

> Discrepancies are no doubt present in this case, as they do ostensibly appear in most cases in evidence of witnesses for the prosecution as well as the defence. The transcripts of most evidence, when thoroughly tooth-combed by any able lawyer, never failed to yield some form of inconsistencies, discrepancies or contradictions but these do not necessarily render the witness's entire evidence incredible. It is only when a witness's evidence on material and obvious matters in the case is so irreconcilable, ambivalent or negational that his whole evidence is to be disregarded.
>
> Forgetfulness and failure to recall exactly certain events, which did not seem to be important to the witness, do not necessarily shake his credibility or render other parts of his story unworthy of belief. Various persons are endowed with varying powers of cognition, attentiveness and perception, so that it is not uncommon for two witnesses to a common event to describe it in slightly differing versions.

219 Thus, the fact that there are discrepancies in a witness' testimony does not straight away make him (in this case Azizan) an unreliable witness and make the whole of his evidence unacceptable.

Berasaskan prinsip undang-undang yang mantap tersebut, kami berpandangan bahawa YA HMT melakukan kesilapan apabila memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP1 berhubung dengan isu pengecaman yang dibuat terhadap OKT.

ISU KEDUA

[33] Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, PP juga bergantung kepada keterangan bersandarkan keadaan semasa mengemukakan kes terhadap OKT. Salah satu keterangan tersebut ialah berhubungan dengan penemuan senjata, iaitu pisau pemotong daging ('P54A') dan batang besi ('P55A') yang dikatakan digunakan OKT semasa kejadian. Begitu juga dengan penemuan rangka motosikal di kawasan tempat letak kenderaan yang dikatakan ada kaitan dengan kejadian kebakaran rumah tempat kejadian.

[34] Berkaitan dengan penemuan barang-barang kes tersebut, YA HMT telah membuat dapatan sepertimana berikut pada perenggan 55–56 AP:

> 55. OKT telah ditangkap di rumahnya pada 15 Disember 2017 pada jam lebih kurang 4 pagi. Reman telah dipohon ke atas OKT dan OKT telah dibenarkan reman selama tujuh hari. Selepas perintah dibenarkan, OKT terus dibawa ke hospital. Pada pagi 16 Disember 2017, SP19 telah menjalankan soal siasat ke atas OKT dengan memanggil seorang jurubahasa bertauliah Tan Lee Bee (Jurubahasa bisu dan pekak). Hasil soal siasat OKT menyatakan dia boleh tunjuk kepada SP19 senjata yang digunakan untuk mencederakan SP1 dan motosikal yang dijatuhkan menyebabkan berlakunya 'minyak tumpah'. Pada jam 11 pagi, SP19 dan anggotanya bersama pasukan forensik IPK Selangor yang diketuai oleh Insp Aisyah binti Milos telah sampai di tempat kejadian bersama OKT. Bila sampai di tempat kejadian, OKT telah menunjukkan tempat di mana beliau membuangkan senjata yang digunakan untuk mencederakan SP1. Keterangan sebaliknya menunjukkan senjata tersebut hanya ditemui oleh pasukan SP19 melalui carian dan hasil korekan. Hasil korekan yang dibuat di tempat kejadian, pasukan SP19 telah menjumpai sebilah pisau pemotong daging, satu batang besi tanpa mata pisau berkarat. Saya mendapati senjata tersebut ditemui bukan ditunjukkan oleh OKT sebaliknya ditemui oleh pasukan SP19 melalui carian dan hasil korekan di tempat kejadian. Begitu juga rangka motosikal ianya ditemui di tempat kejadian di tempat parkir asalnya tanpa perlu dicari.
>
> 56. Saya mendapati s 27 tidak terpakai dalam konteks kes ini, berasaskan alasan-alasan berikut. Pertama, senjata yang dikatakan digunakan oleh OKT ditemui hasil korekan yang dibuat oleh SP19 dan pasukannya dan bukannya yang ditunjukkan oleh OKT. Kedua, SP24 menyatakan semasa pemeriksaan balas, bahawa ekshibit satu pisau pemotong daging berkarat dan satu besi berkarat telah dijumpai oleh SP24 dan pasukannya. Manakala satu rangka motosikal yang sememangnya sudah berada kelihatan di tempat kejadian telah diambil oleh SP24 tetapi SP24 tidak pernah mengatakan motosikal yang dijumpai hasil dari pandu arah orang OKT.

[35] Dalam keterangannya, SP19 menyatakan bahawa semasa menjalankan soal siasat dengan bantuan jurubahasa pekak dan bisu, OKT ada menyatakan kepada dia boleh tunjukkan senjata yang digunakan untuk mencederakan mangsa iaitu pisau dan motosikal yang jatuh menyebabkan minyak tumpah. SP19 ada membuat satu laporan polis berdasarkan keterangan OKT tersebut, iaitu Banting Repot No 11379/2017. Lihat perenggan 56 pernyataan saksi SP19 dalam NK di ms 174 RR di kandungan 9.

[36] Pada perenggan 58 pernyataan saksi yang dapat dilihat dalam NK di ms 175 RR di kandungan 9, SP19 telah menyatakan seperti yang berikut:

> 58. Semasa berada di tempat kejadian, OYDS telah menunjukkan tempat di mana dia membuang senjata yang digunakan untuk mencederakan mangsa. Saya telah mencari senjata yang digunakan di kawasan yang telah ditunjukkan. Saya kemudian telah menjumpai sebilah pisau pemotong daging dan batang besi tanpa mata pisau. OYDS menyatakan bahawa itu adalah merupakan senjata yang dipakai olehnya untuk mencederakan mangsa termasuk Andrew. Pihak forensik telah membuat tagging nombor pada pisau tersebut. Pisau pemotong daging tersebut ditandakan sebagai No 1, manakala batang besi ditandakan sebagai No 2. Saya juga telah meminta pihak forensik untuk mengambil salah sebuah rangka motosikal yang ada di tempat kejadian untuk dijadikan barang kes. Motosikal tersebut telah ditandakan sebagai No 3. Semua barang kes ini telah diserahkan kepada saya oleh Insp Aisyah bt Milos. Satu borang serah menyerah telah dibuat.

Berlandaskan kepada keterangan SP19 tersebut, jelaslah bahawa OKT telah memberikan maklumat yang membawa kepada penemuan barang-barang kes.

[37] Undang-undang berkaitan dengan keterangan penemuan barang kes hasil maklumat orang yang berada dalam tahanan polis adalah mantap. Peruntukan menurut s 27 AK 1950 adalah sepertimana berikut:

> 27 *How much of information received from accused may be proved*
>
> (1) When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved.

Walaupun s 27 AK 1950 adalah berasingan dan tidak tertakluk kepada rukun kesukarelaan dalam s 24 Akta yang sama, maklumat yang dikemukakan di bawah s 27 yang didapati tidak dibuat secara sukarela boleh dikecualikan oleh mahkamah dengan menggunakan budi bicaranya. Lihat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389 (kes *Francis Antonysamy*) yang merujuk kepada satu lagi keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Goi Ching Ang v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 507. Lihat juga keputusan Mahkamah Persekutuan

dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149 yang memutuskan sepertimana berikut:

> [28] In the light of the authorities referred to, we hold that information admissible under s 27 of the Evidence Act includes accused's statement, or his act or conduct such as pointing out which leads distinctly to the discovery of a fact. For such information to be admissible in evidence, there is no duty on the prosecution to prove the voluntariness of the information. Hence it is not necessary to conduct a trial within a trial to determine the voluntariness of the information (see *Amathevelli a/p R Ramasamy v Public Prosecutor* [2008] 3 MLJ 782; [2008] 4 CLJ 413 (CA) per Raus Sharif JCA (now PCA), *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481 (FC), *Mohd Ya'cob bin Demyati lwn Pendakwa Raya* [2011] 2 MLJ 321; [2011] 4 CLJ 758; [2010] 1 LNS 1763 (CA) (affirmed by the Federal Court in Criminal Appeal No 05–122–2008(N) on 2 November 2010, and the application to review the aforesaid decision was also dismissed by the Federal Court on 10 February 2011).

[38] Berbalik kepada rayuan OKT di hadapan kami, setelah diteliti keterangan dalam NK, kami mendapati bahawa pengemukaan keterangan berkaitan dengan penemuan barang-barang kes hasil maklumat daripada OKT tidak pernah dibantah oleh pihak pembelaan. Oleh itu, tiada sebab untuk menolak keterangan tersebut atas alasan bahawa ianya diperoleh secara tidak sah. Keterangan jelas menunjukkan bahawa setelah disoal siasat, OKT telah memberikan maklumat dan membawa SP19 serta pasukannya ke rumah tempat kejadian lalu menunjukkan tempat di mana pisau P54A dan besi P55A ditemui. Walaupun SP19 bersetuju semasa di soal balas bahawa pisau P54A dan besi P55A ditemui hasil korekan pihak polis dalam timbunan sisa kebakaran di rumah tempat kejadian, namun begitu, fakta yang tidak boleh dipertikaikan telah menunjukkan bahawa penemuan tersebut adalah hasil daripada maklumat yang diberikan oleh OKT. Tanpa maklumat daripada OKT, pihak polis sudah tentu tidak berupaya untuk menemui barang-barang kes tersebut yang sudah pun tertimbus dalam sisa kebakaran di rumah tempat kejadian.

[39] Begitu juga dengan penemuan rangka motosikal yang dikatakan telah diterbalikkan OKT untuk memulakan kebakaran di rumah tempat kejadian dengan menggunakan petrol yang tumpah daripada motosikal tersebut. Tanpa maklumat daripada OKT, SP19 tidak akan tahu motosikal mana yang terlibat memandangkan ada satu lagi rangka motosikal yang turut hangus terbakar dalam kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian. Lihat NK di ms 119 hingga 121, RR di kandungan 10.

[40] Dalam kes *Francis Antonysamy*, maklumat yang diberikan ialah sepertimana berikut:

> 42 Of the information supplied by the accused to the police under s 27 the most

> significant one is when he said, 'Sinilah tempat saya tanam kepala Ali' followed by the discovery of the head. If the information had been merely that 'sinilah kepala Ali ditanam' it would only support the evidence of the commission of the crime as it will indicate only the accused's knowledge of the burial of the head. The fact that the information reveals that the accused had buried the head at the particular spot which was known only to himself coupled with his pointing out of the parang, the rattan cane, the trousers of the deceased and the plastic bag used in wrapping the deceased's head affect the accused by tending to connect him with the crime. This is enhanced by the admission made by the accused when he told PW4 not to worry as everything was done by him and if arrested he will be the person who will be responsible. Ordinarily this admission may not carry much weight on its own as it is from a witness in the position of PW4. However, on the facts of this case it cannot be disregarded as it was not subjected to any cross-examination by the accused nor was it denied or explained by him. It assumes greater significance when judged together with the information supplied by the accused that led to the discovery of the objects and the request by the accused to PW4 not to mention the incident to anyone including the police. All these have the cumulative effect of tending to connect the accused to the crime. We are therefore satisfied that there is sufficient evidence to support the testimony of PW4 not only to show that the crime had been committed but also that it was the accused who had committed it. The evidence of PW4 can therefore be acted upon to make out a case against the accused as done by the learned judge.

Sama seperti maklumat yang diberikan kepada SP19, OKT telah menunjukkan tempat di mana barang-barang kes ditemui walaupun perlu dikorek oleh pihak polis. Maklumat tersebut menunjukkan OKT tahu akan fakta mengenai kewujudan pisau P54A dan besi P55A di bawah timbunan runtuhan sisa kebakaran rumah tempat kejadian. Begitu juga dengan perbuatan OKT menunjukkan rangka motosikal yang dikatakan telah diterbalikkan untuk menumpahkan petrol bagi memulakan kebakaran rumah tempat kejadian. Kesemua penemuan tersebut adalah fakta yang relevan yang boleh diambil kira bagi menyokong kes PP.

[41] Selain daripada itu, kami juga bersetuju dengan hujahan TPR yang menyatakan bahawa perbuatan OKT menunjukkan tempat ditemui barang-barang kes adalah relevan dan boleh diterima menurut s 8 AK 1950. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor and other appeals* [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137 yang memutuskan:

> [127] At any rate it is apposite to clarify here that even if information pursuant to s 27 of the EA is found inadmissible, that piece of inadmissible evidence does not automatically affect the admissibility of the evidence of subsequent conduct under s 8 of the EA (*Amathevelli a/p P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367; [2009] 3 CLJ 109; *Prakash Chand v State (Delhi Administration)* 1979 AIR 400).

[128] That conduct of pointing to the places where the items were discovered by the second and fourth accused persons, which was subsequent to an offence, falls squarely within the ambit of 'the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding'.

[129] As held by the Court of Appeal, we hold that the conduct of pointing to the places where the items were found is relevant and admissible (*Prakash Chand v State (Delhi Administration)* 1979 AIR 400). Chinnappa Reddy J said at p 404:

> The evidence of the circumstances, simpliciter, that an accused person led a Police Officer and pointed out the place where stolen articles or weapons which might have been used in the commission of the offence were found hidden, would be admissible as conduct, under section 8 of the Evidence Act, irrespective of whether any statement by the accused contemporaneously with or antecedent to such conduct falls within the purview of section 27 of the Evidence Act ...

[130] The conduct of the second and fourth accused persons is consistent with them knowing of the places where the items connected to the crime of murder were disposed of. This view is consistent with the view held by the learned trial judge where he said:

> The only inference that I could make on the conduct of the second and fourth accused in providing the information in this case was that they were in possession of the items found and had tried to destroy and conceal these items by scattering and leaving them at various places.

[131] We are also satisfied that the act of pointing by the second and fourth accused persons at the spots where items connected to the murder were found is admissible as conduct, as provided for under s 8 of the EA.

[42] Bersandarkan kepada kes-kes autoriti yang diputuskan oleh mahkamah tertinggi di atas, kami mendapati bahawa YA HMT telah terkhilaf semasa memutuskan untuk menolak sepenuhnya keterangan SP19 berkaitan penemuan barang-barang kes hasil maklumat yang diberikan oleh OKT. Sebaliknya, kami berpandangan bahawa keterangan-keterangan tersebut adalah berkaitan, iaitu sebagai fakta yang relevan bagi mengaitkan OKT dengan kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian sama ada menurut s 27 atau s 8 AK 1950. Dengan kata lain, keterangan-keterangan tersebut tentunya boleh diterima sebagai keterangan bersandarkan keadaan yang dapat menyokong pembuktian kes PP terhadap OKT.

ISU KETIGA

[43] Satu lagi keterangan bersandarkan keadaan yang dikemukakan PP ialah berkaitan dengan laporan perubatan OKT yang mengalami kecederaan melecur akibat kebakaran pada masa yang sama dengan kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian. Dua orang saksi iaitu Doktor Naik Siang Ai @ Denny ('SP13') yang bertugas di Klinik Central Kepong, Taman Pusat Kepong dan Doktor Tamil Aresi a/p Balachandran ('SP14') yang bertugas di Hospital

Banting, Selangor telah dipanggil memberikan keterangan.

[44] Menurut keterangan SP3, beliau ialah doktor yang bertugas di klinik semasa menerima pesakit yang dicamkan sebagai OKT pada kira-kira pukul 9.09 malam, 13 Disember 2017. Setelah pemeriksaan, OKT telah disahkan mengalami kecederaan 'first degree burn' di bahagian tangan kanan, di bahagian bawah ketiak dan di telinga. Berdasarkan pengamatan dan pengalaman SP13, kecederaan yang dialami oleh OKT tersebut masih baharu iaitu dalam tempoh 12–24 jam. Rekod perubatan OKT telah dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit P39.

[45] Keterangan SP13 disokong oleh keterangan yang diberikan SP14. Menurut SP14, beliau telah membuat pemeriksaan ke atas seorang lelaki cina bernama Kang Chang Heng pada 15 Disember 2017 atas permintaan SP19. Pemeriksaan telah dijalankan di Jabatan Kecemasan Hospital Banting. Hasil pemeriksaan terhadap OKT, SP14 membuat diagnosis sepertimana berikut:

(a) tanda kebakaran di rambut, kepala, bulu kening dan bulu hidung;

(b) 'first degree burn' pada bahagian bibir atas dan bawah;

(c) 'second degree burn' pada bahagian telinga kanan;

(d) 'second degree burn' dengan 8 x 6cm keluasan kecederaan di bahagian atas kaki kanan;

(e) pipi kiri dan kanan telah bertukar warna kulit;

(f) bahagian lengan kiri dan dada kiri terdapat kesan calar 2–3cm; dan

(g) kesan bulu kaki terbakar pada bahagian bawah lutut sehingga buku lali kaki kiri dan kaki kanan.

SP14 seterusnya menyatakan bahawa kesan terbakar telah berlaku lebih kurang dua ke tiga hari kerana terdapat tanda-tanda penyembuhan kulit dan lepuh yang sudah pecah. Laporan perubatan Hospital Banting yang disediakan SP14 telah ditandakan sebagai ekshibit P40.

[46] Daripada keterangan SP13 dan SP14 tersebut, jelaslah bahawa satu inferens yang kuat bolehlah dibuat terhadap OKT. Inferens tersebut ialah, OKT sememangnya berada di rumah tempat kejadian semasa kejadian kebakaran berlaku sepertimana keterangan yang diberikan oleh SP1. Inferens tersebut sudah tentulah boleh menyokong kes PP berasaskan keterangan bersandarkan keadaan. Kami mendapati bahawa YA HMT tersilap apabila gagal mengambil kira keterangan bersandarkan keadaan yang kuat menyokong kes PP tersebut.

KESIMPULAN

[47] Berdasar alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami mendapati bahawa YA HMT melakukan kesilapan yang serius semasa membuat pertimbangan terhadap keterangan-keterangan yang dikemukakan PP terhadap OKT. Keterangan SP1, terutamanya berkaitan dengan pengecaman terhadap OKT sepatutnya diterima sebagai saksi yang boleh dipercayai yang melihat sendiri kejadian kebakaran di rumah tempat kejadian pada awal pagi 13 Disember 2017. Keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan-keterangan bersandarkan keadaan yang lain terutamanya keterangan saintifik dan forensik yang tidak dipertikaikan pihak pembelaan, keterangan penemuan barang-barang kes di bawah s 27 dan/atau s 8 AK 1950, serta keterangan perubatan terhadap kecederaan yang dialami OKT adalah begitu kuat bagi menyokong penglibatan OKT dalam melakukan kesalahan sepertimana pertuduhan. Di akhir kes pendakwaan, YA HMT sepatutnya memutuskan bahawa PP telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT bagi kesalahan memulakan kebakaran yang telah membunuh empat jiwa yang tidak bersalah.

KEPUTUSAN

[48] Perintah pelepasan dan pembebasan yang dikeluarkan YA HMT yang melepaskan dan membebaskan OKT daripada keempat-empat pertuduhan membunuh adalah diketepikan. OKT diperintahkan untuk membela diri ke atas keempat-empat pertuduhan membunuh.

Wong Kian Kheong HMR, (menyampaikan penghakiman tambahan):

A. PENDAHULUAN

[49] Dalam rayuan ini, Mahkamah Rayuan secara sebulat suara telah:

(1) membenarkan rayuan pihak PR terhadap perintah Mahkamah Tinggi pada akhir kes pendakwaan untuk melepaskan dan membebaskan OKT daripada empat pertuduhan menurut s 302 KK dan satu pertuduhan menurut s 324 KK (dirujuk secara kolektif sebagai 'lima pertuduhan') tanpa memanggil OKT untuk membela diri terhadap lima pertuduhan (keputusan Mahkamah Tinggi);

(2) mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi; dan

(3) memerintahkan OKT untuk membela diri di Mahkamah Tinggi terhadap lima pertuduhan
(perintah Mahkamah Rayuan).

[50] OKT tidak berpuas hati dengan perintah Mahkamah Rayuan dan

memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

[51] YA Che Mohd Ruzima bin Ghazali HMR telah menghantar satu draf penghakiman rayuan ini ('draf') kepada saya. Saya telah meneliti draf dan bersetuju sepenuhnya dengan draf. Walaupun begitu, sebagai tambahan kepada alasan-alasan yang dinyatakan dalam draf, saya mendapati bahawa ada satu isu undang-undang yang perlu diputuskan terlebih dahulu oleh Mahkamah Persekutuan, iaitu berkaitan dengan kekompetenan rayuan yang difailkan oleh OKT.

B. ADAKAH RAYUAN OKT KE MAHKAMAH PERSEKUTUAN KOMPETEN?

[52] Seksyen 87(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') memperuntukkan seperti berikut dalam bahasa Inggeris (bahasa sahih AMK):

> s 87 *Jurisdiction to hear and determine criminal appeals*.
>
> (1) *The Federal Court shall have jurisdiction to hear and determine any appeal from any decision of the Court of Appeal in its appellate jurisdiction in respect of any criminal matter decided by the High Court in its original jurisdiction subject to any rules regulating the proceedings of the Federal Court in respect of appeals from the Court of Appeal*. (Penekanan ditambah.)

[53] Melalui Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998 ('Akta Pindaan A1031'), Parlimen telah memperkenalkan takrif 'keputusan' (*decision*) dalam s 3 AMK seperti berikut:

> s 3 *Interpretation*.
>
> *In this Act, unless the context otherwise requires —*
>
> *'decision' means* judgment, sentence or *order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties.* (Penekanan ditambah.)

[54] Saya berpendapat bahawa rayuan OKT ke Mahkamah Persekutuan tidak kompeten atas alasan-alasan yang berikut:

(1) perintah Mahkamah Rayuan tidak merupakan satu 'keputusan' mengikut takrif dalam s 3 AMK kerana perintah Mahkamah Rayuan tidak melupuskan dengan muktamadnya (*does not finally dipose of*) hak OKT berkaitan dengan lima pertuduhan. Oleh itu, OKT tidak boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap perintah Mahkamah Rayuan mengikut s 87(1) AMK;

(2) OKT mempunyai hak untuk membela diri di Mahkamah Tinggi atas lima pertuduhan menurut s 181(1) dan (2) Kanun Tatacara Jenayah

(KTJ). Mengikut s 181 KTJ (dalam Bahasa Inggeris).

s 181 *Defence*

(1) *When the accused is called upon to enter on his defence he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which he intends to rely and making such comments as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses, if any, and after their cross-examination and re-examination, if any, may sum up his case*:

Provided always that if any accused person elects to be called as a witness, his evidence shall be taken before that of other witnesses for the defence;

Provided also that any accused person who elects to be called as a witness may be cross-examined on behalf of any other accused person.

(2) *The accused shall be allowed to examine any witness not previously named by him under the provisions of this Code if that witness is in attendance*. (Penekanan ditambah.)

(3) sehingga dan selepas OKT menjalankan hak menurut s 181 KTJ di Mahkamah Tinggi, hak OKT berkaitan dengan lima pertuduhan tidak boleh dilupuskan secara muktamadnya mengikut erti kata takrif 'keputusan' dalam s 3 AMK;

(4) andai kata OKT dibenarkan untuk meneruskan rayuan ke Mahkamah Persekutuan, ini akan melengahkan pelupusan bicara OKT di Mahkamah Tinggi. Ini jelas bercanggah dengan niat Parlimen yang memperkenalkan takrif 'keputusan' dalam s 3 AMK yang bertujuan untuk mempercepatkan pelupusan bicara semua kes (*expeditious disposal of cases*);

(5) andai kata rayuan OKT ke Mahkamah Persekutuan adalah tidak kompeten, OKT tidak mengalami apa-apa prejudis. Ini ialah kerana:

(a) OKT masih mempunyai hak untuk membela diri di Mahkamah Tinggi dan jika Mahkamah Tinggi mensabitkan dan menghukum OKT atas lima pertuduhan, OKT ada hak di bawah s 50(1)(a) AMK untuk merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi; dan

(b) seandainya rayuan OKT di Mahkamah Rayuan ditolak, OKT mempunyai hak menurut s 87(1) AMK untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan.

(6) penghakiman Suriyadi bin Halim Omar HMP (dalam Bahasa Inggeris) dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 293, pada [17] hingga [24], menyokong pendapat di atas:

[17] *The rationale for non-final decisions being nonappealable is primarily geared towards the speedy disposal of cases; such a policy prejudices nobody in light of the many complaints of ageing cases before. The explanatory notes, clarifying the*

amendment of s 3 of the (Courts of Judicature Act 1964) introduced by the Amendment Act A1031 of 1998 reads:

> Pada masa ini, semasa mendengar kes, jika mahkamah membuat keputusan tentang kebolehterimaan apa-apa keterangan atau dokumen, pihak yang tidak berpuas hati boleh memfailkan rayuan. Jika rayuan sedemikian difaitkan, mahkamah terpaksa memberhentikan pendengaran kes itu sementara menanti keputusan rayuan itu oleh mahkamah atasan. Ini menyebabkan pendengaran itu lambat selesai, lebih-lebih lagi apabila rayuan difailkan terhadap tiap-tiap keputusan yang dibuat oleh mahkamah bicara. *Pindaan ini dicadangkan untuk membantu mempercepat pendengaran kes di mahkamah bicara.*

[18] *From the above explanation it is obvious that Parliament is not oblivious to mid-stream appeals that tend to stall proceedings and delay speedy completion of cases. With justice not being served by unnecessary delays, what with the amended meaning of 'decision' being crystal clear, such technical appeals that have the effect of stalling hearings, are now things of the past (see Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 585; [2011] 2 CLJ 845*). No appeal is permitted if viewed as incompetent and precluded by law, and with the facts as they were before us, we agree with the learned DPP that there was no finality in the decision of the Court of Appeal.*

[19] *In order for a decision to be final, the defence must first be heard, and after a maximum evaluation of the total evidence a decision eventually be made. It is at that conclusive stage, when the fate of the appellant is known, the right of appeal is triggered* (*Saad Bin Abas & Anor v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; *Maleb bin Su v Public Prosecutor; Cheak Yoke Thong v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 311; [1984] 2 CLJ Rep 232). *In Letchumanan a/l Suppiah v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 5 MLJ 597; [2009] 5 CLJ 652 *Zulkefll Makinudin FCJ (as His Lordship then was) opined:*

> (1) *A question that needed to be answered at this stage was whether the accused could, in the course of the appeal by the public prosecutor before this court against the decision of the Court of Appeal in calling for the accused's defence of possession and not trafficking of the said drugs, challenging that decision through the back door by submitting in the course of his reply to the prosecution's appeal that he should have been acquitted. This question should be answered in the negative for the simple reason that what the law has precluded the accused from appealing must be given effect. To allow otherwise would mean providing the accused with an avenue of appeal at this stage contrary to what the law has prohibited.* Section 92 of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA') *gives the Federal Court a very wide power when it hears an appeal. However that power can only be exercised subject to s 87 of the CJA that is the appeal must be competent before the court. The word 'any' before the word 'decision' in s 87 of the CJA must be confined to a decision which is final...*

[20] *A scrutiny of the scope of the term 'decision' in s 3 of the CJA reveals that its definition does not extend to the types of 'judgments or orders' which can be termed as 'interlocutory'. In other words, if a judgment or order Is not final, in the sense*

that it does not finally dispose of the rights of the parties in the trial, then it would not fall within the definition of the word 'decision' under s 3 of the CJA, and thus not appealable. To quote Arifin Zakaria CJM (as His Lordship then was) in Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor [2010] 6 MLJ 585 at pp 593–594; [2010] 9 CLJ 625 at p 634:

> The term 'interlocutory' used therein is specifically in reference to a civil matter as opposed to a criminal matter (see para 501 of *Halsbury's Laws of England*, (4th Ed), Vol 26. It includes an order made before and after judgment in a matter before the court. Whereas what s 3 of the CJA seeks to exclude from the term 'decision' is a ruling made in the course of a trial or hearing which does not finally dispose of the rights of the parties. In other words, the ruling must by definition be made in the course of a trial or hearing and not before or after as envisaged in the definition of 'interlocutory'. In fact, in Dato' *Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 565, this court was asked to decide whether an order made by the trial judge pursuant to s 51 and or s 51A of the Criminal Procedure Code is appealable. In that case, this court held that the order was a final order as it finally disposed of the rights of the parties and therefore it was appealable. Further, the court held that the order was not made in the course of a trial. For that reason, the order made by the trial judge does not fall within the word 'decision' as defined in s 3 of the CJA. No doubt that the application under s 51 and/or s 51A is an 'interlocutory' application as defined in Halsbury. Therefore it is highly inaccurate to say that in a criminal trial, all decisions on interlocutory applications are not appealable. (Emphasis added.)

[21] *A dissatisfied party is never deprived either of his right to appeal after the conclusion of a trial, in the event he feels aggrieved with the ruling made in the course of the trial, as that supposed error could be raised in the appeal proper. Again Arifin Zakaria CJ in Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor opined*:

> *The right of a party who is aggrieved by a ruling, after all, is not being compromised, as the party can always raise the Issue during the appeal, if any, to be filed after the trial process is brought to its conclusion.*

[22] *With the definition of the word 'decision' being unambiguous no courts should hesitate to give effect to it.*

[23] *From the above analysis, in practical terms, the appellant is not disadvantaged by the alleged unequal treatment produced by the word 'decision'. Under s 3 of the CJA the appellant is not prevented from filing an appeal at the end of the trial, and to include in the petition of appeal of any dissatisfaction with any ruling, made in the course of the trial. Such preclusions of appeals mid-stream would lead to the inevitable speedy disposal of cases resulting in an increase in the efficiency of court's administration, and without the appellant's right of appeal being compromised in any way.*

[24] *So, on the first issue alone, we decided that the order of the Court of Appeal was not a final order, hence non-appealable. The appeal filed by the appellant*

therefore was incompetent. (Penekanan ditambah.)

Rayuan dibenarkan; tertuduh diperintahkan membela diri terhadap pertuduhan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju